

DARIPADA KEPIMPINAN KAMI



Tahun 2023 menyaksikan beberapa bencana alam yang tidak dijangka, seperti banjir besar di Libya, kebakaran liar di Pulau Maui, dan corak cuaca di luar ramalan. Gelombang haba yang tiba awal pada musim bunga bukanlah satu-satunya kejadian yang tidak dapat diramal, malah peristiwa kejatuhan bank di Amerika Syarikat (AS) dan Switzerland turut menggegarkan dunia kewangan pada ketika itu. Adalah jelas bahawa kita berhadapan dengan peristiwa ketidaktentuan, ketidakpastian, kerumitan dan kesamaran (*volatile, uncertain, complex and ambiguous – VUCA*) yang berlaku dengan pantas, kerap, dan secara tiba-tiba. Ini adalah realiti baharu di mana ruang masa untuk bertindak terhadap peristiwa sebegini makin sempit. Oleh itu, apakah respons yang perlu daripada PIDM sebagai pengawal selia yang diberi mandat menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara untuk mendepani realiti baharu ini?

GERAK BALAS TERHADAP KETIDAKPASTIAN

Ada satu pepatah menyebut, “Saat angin perubahan bertiup, sekumpulan orang membina tembok dan sekumpulan yang lain membina kincir angin”. Pepatah ini memberi gambaran bagaimana kita harus tangkas dalam menangani dunia VUCA yang tidak dapat diramal. Daripada bertahan sahaja, adalah lebih baik jika kita dapat menyesuaikan diri dan mengambil manfaat daripada situasi yang melanda supaya dapat memberi kelebihan kepada kita. Malah, sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi, kami perlu membina kedua-duanya sekali; “tembok yang melindungi” dan “kincir angin yang produktif”, dan kami percaya bahawa struktur ini perlu dibina seawal mungkin.

Sebagai pengawal selia, kami perlu sentiasa mengamalkan pemikiran “siap-sedia”, dan bukan hanya sikap dan pendekatan “tepat pada masanya”. Kami tidak boleh mula membina tembok atau kincir angin hanya apabila angin mula bertiup kerana pada ketika itu, ia mungkin sudah terlambat. Kami perlu mempunyai sistem dan infrastruktur yang sudah tersedia untuk menghadapi sebarang ribut yang muncul secara tiba-tiba. Dengan pendekatan inilah kami telah mengharungi cabaran dan ketidaktentuan pada tahun 2023.

MEREALISASIKAN KESEDIAAN

Dengan keadaan landskap kewangan yang sentiasa berkembang, kami menumpukan usaha terhadap kesediaan resolusi dan pengurusan krisis. Garis panduan perancangan resolusi untuk bank-bank ahli yang diterbitkan pada bulan September 2023 menghendaki pihak bank membangunkan keupayaan tertentu untuk menyokong resolusi yang teratur apabila perlu. Simposium Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Symposium – NRS*) yang julung kali diadakan, bertemakan "Memperkasa Daya Tahan Melalui Perancangan Resolusi" menyediakan platform untuk kolaborasi dan pertukaran pengetahuan serta kemahiran dalam kalangan pakar kawal selia dan peserta industri. Kami merancang untuk menganjurkan simposium ini setiap tahun untuk terus memupuk kerjasama yang lebih erat dalam kalangan pihak berkepentingan ke arah mempertingkatkan daya tahan sistem kewangan Malaysia. Selain itu, terbitan Kajian Kes Resolusi (*Resolution Case Studies*) yang dilancarkan semasa simposium tersebut memberi pandangan dan perspektif daripada pengalaman global masa lalu yang boleh menjadi iktibar dalam persediaan untuk menghadapi cabaran masa depan dengan lebih baik.

Kami meneruskan latihan simulasi dan usaha sama antara agensi bagi meningkatkan kesediaan kami mendepani krisis dan menyemak semula Peraturan Sistem Premium Berbeza untuk menambah baik insentif kepada institusi ahli bagi tujuan pelaksanaan resolusi yang teratur. Kami juga telah memeterai Memorandum Persefahaman dengan pihak berkuasa kawal selia dari rantau lain untuk meningkatkan lagi kerjasama rentas sempadan dan menggalakkan perkongsian amalan terbaik dan kepakaran dalam resolusi.

MENINGKATKAN KEYAKINAN

Dalam landskap kewangan global yang bergolak-galib, meningkatkan kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap sistem perlindungan serta keupayaan kami untuk melaksanakan mandat yang diamanahkan menjadi semakin penting. Pada tahun 2023, kami meningkatkan penggunaan platform media sosial dan digital serta memperhebatkan penglibatan dan kolaborasi kami dengan pihak berkepentingan tertentu. Kami berbangga dengan pencapaian tahap kesedaran awam yang kini mencapai tahap 86%, menjadikan ia tahap pencapaian 80% ke atas untuk tiga tahun berturut-turut. Ini adalah hasil tinjauan kesedaran awam tahunan yang dijalankan di seluruh negara. Usaha komunikasi dan penglibatan kami juga telah meningkatkan tahap pemahaman orang awam mengenai peranan PIDM dalam sistem kewangan.

PIDM juga menyokong agenda literasi kewangan negara melalui program celik kewangan kami yang merangkumi kempen #SediaPayungKewangan, serta menerusi kerjasama kami dengan Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network – FEN*) dan ahli-ahli FEN yang lain. Kami juga menjalankan kaji selidik tingkah laku yang telah memberikan input dan pandangan berharga mengenai sikap konsumen kewangan ketika krisis, yang membolehkan kami memperbaiki strategi komunikasi, amalan penglibatan bersama pihak berkepentingan dan polisi awam yang berkaitan untuk lebih efektif pada masa depan.

BERSEDIA UNTUK MASA DEPAN

Tumpuan kami terhadap keberkesanan organisasi dan transformasi digital menyaksikan kemajuan yang ketara. Kami melaksanakan rangka kerja pembelajaran dan pembangunan dalam usaha kami membina tenaga kerja yang bersedia untuk menerajui masa depan dan melaksanakan resolusi melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula.

Penyerapan masuk kumpulan perintis Pelatih Resolusi ke dalam tenaga kerja kami dan pelaksanaan latihan kumpulan kedua menekankan dedikasi kami untuk membina asas yang kuat dalam bidang resolusi. Pada masa yang sama, kami terus mengukuhkan nilai korporat kami melalui pelbagai program penglibatan kakitangan PIDM.

Kami terus mengorak langkah dalam usaha transformasi digital dan memodenkan infrastruktur kami ke arah persediaan untuk menerajui masa depan. Memandangkan landskap digital semakin rumit, polisi keselamatan siber kami telah diperkukuhkan untuk memastikan daya tahannya menerusi ujian keberkesanan sistem dan tahap kesedaran kakitangan kami berkenaan keselamatan siber. Kami juga mengekalkan komitmen kami ke arah kelestarian dan tanggungjawab sosial korporat dengan menjalankan inisiatif berkaitan kitar semula serta menggabungkan elemen kelestarian alam sekitar dalam aktiviti korporat kami.

Mengimbas kembali kepada pencapaian dan cabaran tahun 2023, kami akan terus berpegang teguh kepada komitmen kami untuk merealisasikan kesediaan, menjadikan cabaran sebagai suatu peluang untuk memperkukuhkan organisasi kami. Atas segala pencapaian kami, ribuan terima kasih diucapkan kepada Lembaga Pengarah yang sentiasa menyokong kami dan kakitangan PIDM yang penuh dedikasi. Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pengerusi kami, Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff, atas kepimpinan bijaksana dan bimbingan beliau, serta kepada Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus dan Puan Suhara Husni, mantan pengarah kami, atas kepakaran dan pandangan mereka yang amat berharga.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan pengawal selia, pihak berkepentingan dan rakan kongsi strategik kami. Dalam menghadapi ketidakpastian yang semakin mencabar, kita semua perlu terus bekerjasama dan menyokong antara satu sama lain. Sesungguhnya, daya tahan yang tinggi dan kolektif adalah benteng yang paling kukuh untuk menghadapi sebarang risiko masa depan yang belum kita kenali lagi.

Biar pun angin perubahan terus bertiup kencang dan kehangatan cabaran mungkin tiada henti, begitu juga kesungguhan kami untuk melindungi konsumen kewangan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara. Kami mempunyai mandat yang mulia dan sangat bermakna, maka kami tidak boleh memandang remeh dan mengambil sikap sambil lewa, apatah lagi dalam mendepani realiti baharu dunia ini.



DATO SRI (DR) ZUKRI BIN SAMAT



RAFIZ AZUAN ABDULLAH